

400 agensi sertai Konvensyen Badan Pensijilan Halal 2015

BH
29/1

Putrajaya: Kira-kira 400 wakil pelbagai agensi pensijilan halal dari dalam dan luar negara dijangka menyertai Konvensyen Badan Pensijilan Halal 2015 kali keenam yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), esok dan Selasa ini.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Datuk Othman Mustapha berkata, konvensyen selama dua hari itu juga akan menyaksikan pelancaran logo rasmi konvensyen yang dijangka disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Beliau berkata, program tahunan itu dianjurkan bertujuan mengiktiraf badan pensijilan halal luar negara oleh JAKIM membabitkan 57 badan pensijilan halal dari 33 negara serta 16 badan dari Pertubuhan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Konvensyen ini juga dianjurkan dengan kerjasama jabatan agama Islam negeri, Jabatan Perkhidmatan

Veterinar Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Halal Industry Development Corporation (HDC) dan wakil kedutaan di Malaysia.

“Konvensyen kali ini juga akan lebih menumpukan kepada aspek teknikal sebagai usaha meningkatkan kemahiran badan pensijilan halal luar negara.

“Ia bertepatan dengan tema pengumuman kali ini iaitu Badan Pensijilan Halal: Transformasi Ke Arah Meningkatkan Industri Halal Global,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Katanya, pengumuman konvensyen antara lain bertujuan meningkatkan kefahaman badan pensijilan halal luar negara berhubung pelaksanaan Sistem Standard Halal Malaysia selain membangunkan keupayaan badan pensijilan itu dengan pengurusan pensijilan halal lebih sistematik.